



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **22 Oct2021 (Friday)**

### **Berita Harian**

Kredibiliti WTO dipertikai isu pelepasan hak harta intelek vaksin 1

### **Harian Metro**

'Jika betul, laporlah' 2

### **Kosmo**

Saya diraba pegawai agama-Sajat 3

Warung jual makanan guna air 'haram' 4

### **Sinar Harian**

Guru KAFA enggan divaksin akan diberi penerangan kali kedua 5

Hulu Selangor kini Majlis Perbandaran 6

Selangor mampu urus pebuangan sampah haram 7

Sultan Sharafuddin zahir takziah atas pemergian balu Bendahara Selangor 8

### **KOSMO Online**

Guru Kafa enggan divaksin akan diberi penerangan kedua 9

Hulu Selangor bertukar status Majlis Perbandaran 10

### **myMetro On-line**

Bekalan air di sekitar Sungai Besar pulih 11

Nestlé terajui inisiatif ke arah kelestarian alam sekitar 12

### **RTM1**

Bantu Peniaga B40 13

Program Agro Ehsan 14

### **Selangor TV**

Amirudin Dilantik Penaung Persatuan Alumni UPM 15

Exco Sedia 3,500 Bakul Makanan Deepavali 16

MPK Beri Tempoh 6 Bulan, Kilang Perlu Patuhi SOP Asrama Pekerja 17

### **Sinar FM**

Ingatkan Orang Ramai Terus Patuh SOP 18

### **Sinar Harian Online**

Guru Kafa enggan divaksin akan diberi penerangan kali kedua 19

Malaysia hantar delegasi khas ke Persidangan Perubahan Iklim di Scotland 20

MDHS kini berstatus Majlis Perbandaran 21

Sultan Sharafuddin zahir takziah pemergian balu Bendahara Selangor 22

### **Utusan Malaysia Online**

Kutipan e-waste sudah melepasi separuh sasaran ditetapkan 23

PBT Hulu Selangor dinaik taraf Majlis Perbandaran 24

### **The Star**

Simplified system for better strata management 25

MBPJ RECYCLING CENTRE 26

Marking city's 21st year with community initiative 27



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



No report on sexual assault lodged by Nur Sajat, say police	28
<b>The Sun</b> KPS BAGS RM91.6M SUPPLY CONTRACT FROM AIR SELANGOR	29
<b>Bernama News Channel</b> Wanita Berdaya Selangor Sdn Bhd	30
<b>The Edge CEO Morning Brief</b> KPS unit bags RM92m contract from Air Selangor	31
<b>The Malay Mail Online</b> Environment minister: Malaysia to send delegation to climate change conference in Scotland	32
<b>The Malaysian Reserve</b> Infineon Technologies to expand manufacturing base in Malaysia	33
<b>The Star Online</b> Hulu Selangor is now a municipality, gets new logo	34
<b>China Press</b> Ng Sze Han: There were 847 complaints about illegal dumping of garbage last year, but it was 56% less than the year before.	35
<b>Sin Chew Daily</b> Selangor government will submit Selangor Budget 2022 on November 26th, focus on developing and repairing rural roads	36
Ng Sze Han: Although doesn't implement 672 Act, Selangor has the highest waste disposal efficiency rate.	37
Selangor travel voucher waiting for you, 10 thousand vouchers can redeem from online shopping platform	38
<b>Nanyang Siang Pau</b> Kumpulan Perangsang Selangor secures RM91.6m contract	39
Transgender web celebrity says she was touched on the breast during questioning by JAIS	40
<b>Guang Ming Daily</b> Klang low-lying areas flooding due to rubbish blocked	41
Sungai Raab flooding that cause Abadia plaza flood nearly hundreds houses	42



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>22 October 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kredibiliti WTO dipertikai isu pelepasan hak harta intelek vaksin
Muka Surat	:	12

# Kredibiliti WTO dipertikai isu pelepasan hak harta intelek vaksin



**Olee Ismail Hashim-Yahaya**  
 bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Perhubungan Antarabangsa di Universiti Selangor (UNISEL)

**Berita** kegagalan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) mencapai persetujuan dalam pelepasan hak harta intelek bagi vaksin COVID-19 akan mencetuskan isu kredibiliti badan perdagangan dunia itu, dalam memainkan peranan membantu negara Selatan mengatasi isu ekuiti atau jurang ketidaksamaan akses vaksin antara negara kaya dan miskin.

Apakah gunanya WTO jika tidak dapat mengawal negara anggotanya terutamanya negara kaya, supaya mengatasi kemelut persetujuan dalam pelepasan hak harta intelek bagi vaksin COVID-19.

Adakah WTO tunduk kepada desakan dan tentangan sengit syarikat farmaseutikal gergasi serta negara kuasa Barat yang menaunginya, yang menegaskan paten bukan halangan utama meningkatkan pengeluaran vaksin serta memberi amaran langkah itu berisiko menyekat inovasi?

Pada Oktober tahun lalu, sejumlah negara Selatan menyokong usul Afrika Selatan dan India untuk mengantung paten Coronavirus dan ia disokong Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta beberapa badan lain.

Dalam hubungan ini, purata kadar vaksinasi COVID-19 di negara miskin adalah 30 kali lebih tinggi berbanding negara kaya, yang kebanyakannya kini mempertimbang pemberian dos ketiga ketika berbilion lagi individu belum menerima suntikan pertama vaksin.

Dalam bangkangan negara Selatan terhadap kegagalan WTO, tekanan kini memuncak supaya satu persetujuan dicapai sebelum bermulanya sidang kementerian ke-12 WTO pada 30 November hingga 3 Disember depan di Geneva, beberapa minggu sahaja daripada sekarang.

India dan Afrika Selatan mengusulkan cadangan supaya paten vaksin milik syarikat farmaseutikal Barat diketepikan atau ditangguhkan buat sementara. Susulan usul kedua-dua itu, 62 negara turut bersetuju dengan cadangan terbabit.

Dalam usulan berkenaan, India dan Afrika Selatan mencadangkan supaya Seksyen 1, 4, 5 dan 7 daripada Bahagian II Perjanjian Perdagangan berkaitan dengan Hak-Hak Milik Intelektual (TRIPS) berkaitan hak cipta, paten, rahsia perdagangan, perlindungan daripada pendedahan maklumat dan reka bentuk industri, diketepikan buat sementara sehingga majoriti penduduk

dunia disuntik dan mempunyai imuniti kepada virus COVID-19.

Namun, cadangan ini tidak dipersetujui syarikat farmaseutikal dan sebilangan negara anggota Kesatuan Eropah (EU), memandangkan mereka tidak mahu kehilangan monopoli dalam penghasilan vaksin dan negara sedang membangun seperti Malaysia bergantung dalam pembelian vaksin daripada Barat.

Antara alasan diberikan ialah penangguhan sementara TRIPS akan menjejaskan penghasilan vaksin, menurunkan kualiti vaksin dan merbaknya penghasilan vaksin palsu.

Perkara ini dinyatakan wakil perdagangan daripada kebanyakan negara Selatan pada 23 Julai lalu. Mereka mengingatkan bahawa kredibiliti WTO akan dipertikaikan jika pada Perisidangan Peringkat Menteri ke-12 (MC12) gagal membuat keputusan dalam isu dimandatkan dan mengantung paten Coronavirus yang bertujuan menghentikan skala kematian di serata dunia.

Namun di mana letaknya kemanusiaan syarikat farmaseutikal transnasional serta negara Barat dalam situasi meruncing ekor an pandemik COVID-19 di serata dunia?

Ini bermakna, sumber vaksin yang banyak berada dalam kalangan negara kaya, manakala negara sedang membangun dan miskin akan berhadapan persaingan mendapat sumber vaksin yang sedikit.

Tujuan penangguhan hak intelektual vaksin supaya negara Selatan diberikan ruang menghasilkan vaksin generik dengan mendapat lesen daripada syarikat pemilik vaksin di Barat.

TRIPS satu daripada beberapa perjanjian kaitan perdagangan dalam WTO yang bertujuan melindungi harta milik intelektual serata dunia.

Walaupun TRIPS secara dasarnya membenarkan dasar ruang keterbukaan peraturan yang anjal bagi negara anggota untuk melakukan apa

yang perlu dilakukan, namun dalam konteks kesihatan awam (yang lebih ketat daripada perjanjian lain) TRIPS agak ketat dalam mengawal harta intelektual (IP) dan itulah yang menyebabkan isu mengetepikan sementara TRIPS dipinda negara Selatan.

Walaupun langkah AS yang berhasrat menyokong usaha mengetepikan sementara perlindungan IP bagi vaksin COVID-19 dialu-alukan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ia tidak semudah disebut.

Jerman dan beberapa negara Eropah membantah hasrat AS dan Syarikat farmaseutikal transnasional Barat tidak bersetuju dengan kenyataan dibuat Presiden Joe Biden, yang menyokong negara itu mengetepikan sementara perlindungan IP bagi vaksin COVID-19.

Namun, menangguhkan sementara IP tidak mempercepatkan proses penghasilan vaksin. Sesuatu isu yang dibincangkan dalam pusingan rundingan TRIPS dan seumpamanya dalam WTO, akan memakan masa bertahun untuk diluluskan.

Lazimnya, dalam rundingan seperti ini akan banyak perdebatan serta perbincangan dan akhirnya konsensus sukar dicapai.

Kenyataan AS ibarat menanam tebu di bibir.

Pada peringkat Jawatankuasa Rundingan Perdagangan tidak rasmi di Doha pada 23 Julai lalu, AS, EU dan beberapa negara maju yang lain melarik garisan merah pada keputusan dicapai dalam isu bernamad, program untuk jaminan makanan, mekanisme perlindungan khas termasuk isu hak milik intelektual paten vaksin.

Menangani sekatan IP untuk ubat-ubatan COVID-19 akan membuka laluan kepada pembuatan generik ubat-ubatan molekul kecil di serata negara membangun seperti paracetamol, jenama Panadol.

India dan Afrika Selatan sedang berusaha menghasilkan ubat-ubatan baharu dan teknologi lain sebagai alternatif untuk digunakan dalam persekitaran kekurangan sumber untuk COVID-19.

Apakah Russia dengan vaksin Sputnik dan China dengan Sinovac sanggup mengetepikan sementara IP mereka supaya vaksin generik boleh dihasilkan di negara Selatan?

Kedua-dua negara kuasa besar itu harus menunjukkan keprihatinan kemanusiaan mereka dalam membantu negara miskin dan sedang membangun mendapatkan bekalan vaksin. Dalam hal ini mereka juga tidak perlu mementingkan aspek keuntungan semata-mata.

“Tujuan penangguhan hak intelektual vaksin supaya negara Selatan diberikan ruang menghasilkan vaksin generik dengan mendapat lesen daripada syarikat pemilik vaksin di Barat”





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>22 October 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	'Jika betul, laporlah'
Muka Surat	:	21

## DAKWA DICABUL PENGUAT KUASA

# 'Jika betul, laporlah'

Oleh Ruwaida Md Zain  
 am@metro.com.my

### Shah Alam

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mencadangkan usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman atau Nur Sajat tampil semula dengan bukti dan membuat laporan polis sekiranya benar dia mendakwa dicabul penguat kuasa Jais ketika sesi soal siasat, awal tahun ini.

Pengarah Jais, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, Muhammad Sajjad perlu mengemukakan apa juga bukti dan keterangan, bukan hanya cakap kosong kerana itu lebih memburukkan keadaan dan suatu tindakan berbau fitnah.

"Kalau betul dia buat tuduhan, pasti dia sudah buat laporan polis. Jais sudah buat laporan menyatakan perkara sebenar yang berlaku, kita serahkan kepada polis untuk membuat siasatan.

"Prinsip saya telus, jika betul ada kakitangan Jais buat salah, pasti polis ambil tindakan kerana dakwaan gangguan seksual itu bukan bidang kuasa saya, tetapi polis.

"Jais tidak akan dan tidak pernah membela mana-mana kakitangan yang membuat sebarang salah laku. Tiada tempat untuk kakitangan yang melakukan perkara melampaui batas," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohd Shahzihan turut mempersoalkan mengapa baru sekarang Muhammad Sajjad



*Bukan Jais tidak hormat dia, tetapi cara dia buat kita hilang hormat. Bila di Australia, buat cerita macam-macam baling batu sembunyi tangan.*

**Mohd Shahzihan Ahmad**

membuat dakwaan itu sedangkan soal siasat terbabit dijalankan awal tahun ini.

Katanya, tindakan dia seolah-olah memainkan emosi semua orang untuk terus meletakkan Jais dalam keadaan bersalah dengan dakwaan itu.

"Bukan Jais tidak hormat dia, tetapi cara dia buat kita hilang hormat. Bila di Australia, buat cerita macam-macam baling batu sembunyi tangan.

"Menimbulkan persepsi orang agama tidak betul, jabatan agama tidak betul. Jika terus dilayan, Jais terheret dalam persepsi dia dan dilihat cepat melatah.

"Sedangkan isu dia kecil sahaja, banyak lagi agenda berkaitan agama Islam di Selangor yang perlu Jais beri perhatian dan dititikberatkan," katanya.

Terdahulu, Muhammad Sajjad ketika temu bual dengan New York Times mendakwa perkara itu disaksikan ibunya yang menegur dan mempertikaikan perbuatan berkenaan oleh seseorang yang sepatutnya alim.



**MUHAMMAD Sajjad**



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>22 October 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Saya diraba pegawai agama-Sajat
Muka Surat	:	3

JAIS mahu usahawan kontroversi pulang, buktikan dakwaan gangguan seksual

## Saya diraba pegawai agama – Sajat

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB  
 dan AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF

**PETALING JAYA** – Usahawan kontroversi, Muhammad Sajat Kamaruzzaman atau Sajat mendakwa, dia kini lebih bebas dan menemui dirinya yang sebenar selepas berhijrah ke Australia.

"Saya rasa terkongkong di negara sendiri, di tempat saya dilahirkan sebab undang-undang 'menjenayahkan' saya dan menganggap saya sebagai seorang lelaki," katanya dalam satu temu bual yang disiarkan *The New York Times* semalam.

Menerusi temu bual itu, Sajat mendakwa, dia diraba pihak berkuasa agama ketika dipanggil untuk memberi keterangan pada Januari lalu.

Dakwanya, kejadian itu disaksikan ibunya sendiri yang menegur perbuatan berkenaan tidak sepatutnya dilakukan orang alim.

"Mereka berasa tidak salah menyentuh bahagian sulit dan dada kerana menganggap saya lelaki. Mereka tidak melayan saya dengan belas kasihan atau



**KERATAN Kosmo!**  
 kelmari.

**SAJAT mendakwa dirinya lebih bebas dan bahagia selepas berhijrah ke Australia.**



kemanusiaan," dakwanya.

Usahawan itu turut mendakwa dikasari tiga lelaki termasuk diraba pada bahagian dada sebelum dia dimasukkan ke tempat tahanan lelaki selama sehari.

Dia dilaporkan telah membuat laporan polis selepas kejadian tersebut dan beberapa hari selepas itu pihak berkuasa dikatakan telah memanggil seorang pegawai penguat kuasa agama untuk memberi keterangan.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan Sajat sudah berhijrah ke Australia dan 'bercerai' talak tiga dengan Malaysia.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan Sajat ditahan di Bangkok bersama seorang lelaki berperwatakan wanita warga Thailand ketika serbuan pada 8 September lalu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, pihaknya tidak akan melindungi mana-mana anggotanya sekiranya benar mereka terlibat dengan dakwaan gangguan seksual membabitkan

Sajat.

Menurutnya, pihak JAIS telah membuat laporan polis terhadap dakwaan Sajat pada Januari lalu.

"Laporan polis telah dibuat, jadi terpulang kepada polis untuk dakwa pegawai saya sekiranya salah. Saya tiada masalah dan buat apa saya hendak bela orang yang tidak betul," katanya ketika dihubungi semalam.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Shahzihan meminta Sajat mengemukakan bukti berhubung dakwaan itu.

"Dia tuduh, dia kena buktikan. Boleh balik Malaysia buat laporan.

"Buat cerita macam-macam apabila dia berada di Australia dan menimbulkan persepsi orang agama dan jabatan agama tidak betul," ujarnya.

Mahkamah Tinggi Syariah di sini pada 23 Februari lalu mengeluarkan waran tangkap terhadap Sajat kerana gagal hadir pada prosiding kes berpakaian wanita tiga tahun lalu.

Waran tangkap itu dikeluarkan oleh Hakim Syarie, Mohamad Khalid Shae' @ Shaii.



**KERATAN AKHBAR**  
**22 October 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Warung jual makanan guna air 'haram'
Muka Surat	:	9

SPAN rekod 20 peratus kes curi air setiap tahun babitkan pengusaha kedai makan

## Warung jual makanan guna air 'haram'

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
 MOHD. NOR

**PUTRAJAYA** – Demi mengaut keuntungan mudah, segelintir pengusaha warung makanan sanggup mencuri air dengan melakukan penyambungan haram daripada paip-paip utanga bagi menyediakan juadah untuk pelanggan.

Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), V. Kirupakaran berkata, daripada jumlah kes yang dilaporkan setiap tahun, secara purata pihaknya merekodkan antara 15 hingga 20 peratus kes membabitkan pengusaha warung makanan.

"Memang ada pemilik gerai makanan yang mendapatkan air menggunakan cara yang tidak sah dan apabila kita mendapat laporan, tindakan penguatkuasaan akan dibuat.

"Selain itu, kami juga akan meminta mereka (pengusaha warung makanan) untuk mendapatkan bekalan air menggunakan kaedah yang tidak bertentangan dengan undang-undang," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kirupakaran berkata, kegiatan curi air merupakan salah satu penyumbang kepada peningkatan Air Tidak Terhasil (NRW) di negara ini.

"Secara purata kami menerima antara 80 hingga 100 kes curi air dalam setahun.

"Bagi tahun ini, secara amnya, kilang perindustrian dan tapak pembinaan merupakan pihak yang mencatatkan jumlah terbesar untuk kegiatan curi air bagi tujuan komersial," ujarnya.

Tambahnya, penyambungan haram atau kegiatan curi air itu biasanya dilakukan dengan tujuan untuk mengurangkan kos operasi di premis perniagaan atau tapak projek pembinaan.

"Kebiasaannya, kegiatan curi air dilakukan di kawasan terpencil dan sukar dikesan atau penyambungan tidak sah tersebut dilakukan di bawah tanah," jelasnya.

Tambah Kirupakaran, setakat Januari hingga September tahun ini, sebanyak 155 operasi penguatkuasaan terhadap kes curi air telah dilaksanakan di seluruh negara dengan kira-kira satu juta meter padu air membabitkan nilai RM2.4 juta telah dicuri pihak tidak bertanggungjawab.

"Pada tahun ini sahaja, sebanyak 65 kes curi air telah didakwa dan dijatuhkan hukuman di mahkamah," katanya.

Pada masa sama, beliau mengakui terdapat sedikit peningkatan daripada segi jumlah kes tetapi secara puratanya adalah tidak signifikan.



GAMBAR fall menunjukkan kakitangan SPAN menjalankan kerja-kerja pemotongan bekalan ke atas penyambungan haram dijalankan pihak tidak bertanggungjawab. – FACEBOOK SPAN

### Kes curi air Januari - September

- Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. - **24**
- Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. - **13**
- Syarikat Air Melaka Berhad - **1**
- Ranhill SAJ Sdn. Bhd. - **51**
- Pengurusan Air Pahang Berhad - **9**
- Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. - **1**
- Air Kelantan Sdn. Bhd. - **26**
- Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. - **10**
- Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. - **10**
- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang - **7**
- Lembaga Air Perak - **3**
- Jumlah - **155**

Dalam pada itu, Kirupakaran berkata, pihaknya merancang untuk membuat pindaan ke atas Akta 655 bagi menaikkan jumlah denda kepada pihak yang mencuri air.

Katanya, ketika ini akta berkenaan memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak lebih satu tahun.

"Kita percaya hukuman yang berat dan setimpal akan membanters kegiatan curi air daripada terus berleluasa," tegasnya.



**KERATAN AKHBAR**  
**22 October 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Guru KAFA enggan divaksin akan diberi penerangan kali kedua
Muka Surat	:	23

## Guru KAFA enggan divaksin akan diberi penerangan kali kedua

**SHAH ALAM** - Seramai 130 guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Selangor yang enggan menerima vaksin Covid-19 akan dipanggil semula bagi sesi penerangan kali kedua yang dijangka berlangsung dalam masa terdekat.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, sesi penerangan itu akan melibatkan pakar kesihatan, agamawan dan mufti bagi memberi maklumat yang tepat berhubung pengambilan vaksin berkenaan.

Beliau berkata, sekiranya mengikut perundangan, guru-guru terlibat yang menolak vaksin Covid-19 boleh ditamatkan kontrak berikutan mereka bukannya berstatus penjawat tetap.

“Namun, kita melihat kepada sumbangan dan peranan mereka yang masih diperlukan jadi kita guna pendekatan bagi memberi pendidikan serta kesedaran kepada pihak



**MOHD ZAWAWI**

terlibat,” katanya pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkembangan terkini guru-guru KAFA terbabit yang sebelum ini menolak untuk mengambil vaksin Covid-19 menerusi sesi khas dianjurkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada September lalu.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sebelum ini turut menzahirkan rasa kecewa atas tindakan pihak terlibat.

Mengulas lanjut, Mohd Zawawi berkata, buat masa ini, satu kes kematian aki-



*Sesi penerangan itu akan melibatkan pakar kesihatan, agamawan dan mufti bagi memberi maklumat yang tepat berhubung pengambilan vaksin berkenaan.”*

bat jangkitan Covid-19 direkodkan di Selangor melibatkan seorang guru KAFA yang dilaporkan belum menerima suntikan vaksin.

“Sebab itu pentingnya mereka ini (guru KAFA) divaksin.”

“Murid Tahun Satu dan Dua juga akan divaksin, jadi guru juga haruslah menerima suntikan itu bagi mengelakkan risiko lebih bahaya,” katanya.

Tambah beliau, pihaknya berharap agar semua guru-guru terlibat akan mendapat maklumat yang tepat selepas sesi penerangan itu bagi membolehkan proses pembelajaran berjalan lancar.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>22 October 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Hulu Selangor kini Majlis Perbandaran
Muka Surat	:	23

# Hulu Selangor kini Majlis Perbandaran

Sultan Sharafuddin beri perkenan perakuan status baharu itu

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

**HULU SELANGOR**

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) kini dikenali sebagai Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) selepas perakuan status baharu itu mendapat perkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, penaiktarafan status perbandaran di Hulu Selangor itu bakal membawa dimensi baharu dalam sistem tadbir urus kerajaan tempatan dan membolehkan potensi pelaburan lebih tinggi bagi melonjakkan sektor pelancongan dan industri setempat.



Menurutnya, Hulu Selangor akan ditadbir sebagai sebuah perbandaran dengan sistem penyampaian yang setara termasuk pembangunan infrastruktur lengkap, mampan dan berdaya tahan.

"Penaiktarafan sebagai perbandaran ini juga akan meningkatkan harapan dan jangkaan pelbagai pihak dan oleh sebab itu semua warga kerja harus menangani cabaran mendatang dan mengembleng usaha bagi memantapkan kualiti perkhidmatan buat rakyat," katanya ketika berucap sewaktu Majlis Menjunjung Titah Sultan Selangor Bagi Pengisytiharan MPHS yang berlangsung secara dalam talian pada Khamis.

Turut sama bagi mengikuti majlis itu ialah Yang Dipertua MPHS, Mohd Hasry Nor Mohd; Setiausaha Kerajaan Selangor, Datuk Nor Azmi Diron dan Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han.

Dalam pada itu, Mohd Hasry sewaktu menyampaikan ucapan pembukaan berkata, selaras dengan Matlamat Pembangunan



Amirudin (dua dari kiri) dan Mohd Hasry (dua dari kanan) membuat gimik pelancaran Majlis Menjunjung Titah Sultan Selangor Bagi Pengisytiharan MPHS secara dalam talian pada Khamis.

Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2035, enam inisiatif utama telah digariskan bagi menjadikan kawasan perbandaran itu sebagai sebuah bandar mampan yang berdaya huni dan berdaya tahan.

"Enam inisiatif utama itu merangkumi Pengekalan Sumber Semulajadi Warisan; Persekitaran Komuniti Lestari; Penerapan Konsep Pembangunan Pintar; Sistem Perhubungan Jalan Raya dan Infrastruktur Efisien; Penawaran Pakej Pelaburan Menarik dan Pembangunan Modal Insan Yang Efektif," katanya.

Dalam perkembangan sama, Mohd

Hasry berkata, MDHS sebelum ini juga telah menjadi pelopor dan perintis kepada beberapa inisiatif yang diiktiraf bukan sahaja di peringkat negeri malah juga antarabangsa.

Tambah beliau, pihaknya berharap penaiktarafan status perbandaran itu akan memberi impak positif kepada semua penduduk merangkumi pelbagai segmen seperti kemudahan infrastruktur, peluang ekonomi, pengurusan sumber alam dan pembangunan komuniti.

"Kejayaan MDHS dinaiktaraf sebagai perbandaran ini adalah sebahagian komitmen daripada semua pihak," katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor mampu urus pebuangan sampah haram
Muka Surat	:	24

### Selangor mampu urus pembuangan sampah haram

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor mempunyai strategi tersendiri untuk menguruskan sisa pepejal dan pembuangan sampah haram di negeri itu walaupun tidak meratifikasikan Perkara 672 dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.



**SZE HAN**

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Selangor, Ng Sze Han berkata, Selangor merupakan negeri pertama yang mempelopori model Project Management Company (PMC) dengan melantik KDEB Waste Management (KDEWM) sebagai anak syarikat milik penuh kerajaan Selangor untuk menguruskan perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan lebih efektif dan efisien.

“Walaupun peruntukan adalah terhad berbanding syarikat konsesi yang menguruskan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri menerima pakai Perkara 672, KDEWM mampu mengendalikan kira-kira 7,000 tan sampah sehari yang merupakan angka yang tertinggi di Malaysia dengan sistematik dan berkesan.

“Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor, sebanyak 874 kes berkaitan pembuangan sampah haram direkodkan di Selangor pada tahun lalu berbanding 1,983 kes pada 2019.

“Penurunan sebanyak 56 pe-

ratus ini jelas membuktikan kerajaan Selangor berada pada landasan tepat bagi membendung masalah sampah haram ini,” katanya pada Khamis.

Sze Han berkata, kerajaan Selangor juga mempunyai pengurusan tapak pe-

lupusan yang sistematik diuruskan oleh sebuah anak syarikat milik kerajaan negeri iaitu Worldwide Landfills Sdn Bhd.

Ujarnya, syarikat tersebut menguruskan tiga tapak pelupusan sanitari di Jeram, Tanjung Dua Belas dan Sabak Bernam serta tiga tapak pelupusan sisa lengai di Sungai Kertas, Dengkil and Kuang.

Tambahnya, PBT juga mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan amaran, kompaun dan notis berdasarkan undang-undang di bawah Seksyen 82 Borang B, Akta Kerajaan Tempatan (Perkara 171); Notis Kerja Tanah di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan Parit Dan Bangunan (Perkara 133); dan Notis di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Perkara 172).

“Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pentadbir Tanah turut mengambil tindakan ke atas pemilik tanah tapak pelupusan sampah haram dengan mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik agar memulihkan pelanggaran syarat tanah tersebut dan Notis 7B bagi mendapatkan pengesahan terhadap pemuliharaan yang dibuat,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Sharafuddin zahir takziah atas pemergian balu Bendahara Selangor
Muka Surat	:	24

### Sultan Sharafuddin zahir takziah atas pemergian balu Bendahara Selangor

**KLANG** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menzahirkan perutusan takziah kepada waris keluarga Bendahara Selangor, Tengku Azman Shah Alhaj Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj atas pemergian Almarhumah Tengku Thuraya Almarhum Sultan Ibrahim.

Menerusi kemas kini di laman Selangor Royal Office, Almarhumah merupakan balu kepada Tengku Azman yang dilaporkan mangkat pada Rabu di usia 93 tahun.

Sultan Sharafuddin turut berkenan berangkat ke majlis pemakaman di Makam Diraja Klang di sini pada jam 9 pagi Khamis.

"Sultan Selangor berkenan menzahirkan perutusan takziah buat waris keluarga khususnya anakanda Almarhumah, Tengku Indera Pahlawan Diraja Tengku Putra Alhaj Tengku Azman Shah Alhaj," menurut kemas kini itu.

Turut sama berangkat ialah Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.



FOTO: FACEBOOK SELANGOR ROYAL OFFICE

Sultan Sharafuddin berkenan berangkat ke majlis pemakaman Almarhumah Tengku Thuraya di Makam Diraja Klang pada Khamis.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>21 October 2021</b>		
Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Guru Kafa enggan divaksin akan diberi penerangan kedua
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 21 October 2021

Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Hulu Selangor bertukar status Majlis Perbandaran
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**21 October 2021**

Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Bekalan air di sekitar Sungai Besar pulih
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 21 October 2021

Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Nestlé terajui inisiatif ke arah kelestarian alam sekitar
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**21 October 2021**

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Bantu Peniaga B40
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**21 October 2021**

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Program Agro Ehsan
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**21 October 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Amirudin Dilantik Penaung Persatuan Alumni UPM
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**21 October 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Exco Sedia 3,500 Bakul Makanan Deepavali
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**21 October 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	MPK Beri Tempoh 6 Bulan, Kilang Perlu Patuhi SOP Asrama Pekerja
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**21 October 2021**

Akhbar	:	Sinar FM
Tajuk Berita	:	Ingatkan Orang Ramai Terus Patuh SOP
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>21 October 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Guru Kafa enggan divaksin akan diberi penerangan kali kedua
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article from Sinar Harian Online. The main headline is "Guru Kafa enggan divaksin akan diberi penerangan kali kedua". The article discusses the refusal of a teacher named Kafa to get vaccinated and the school's plan to provide a second explanation. It mentions that the teacher is a member of the Malaysian Islamic Teachers' Union (GURUKA) and that the school principal, Mohd Zamri Yusoff, has been in contact with him. The article also notes that the teacher is a member of the Malaysian Islamic Teachers' Union (GURUKA) and that the school principal, Mohd Zamri Yusoff, has been in contact with him. The article also notes that the teacher is a member of the Malaysian Islamic Teachers' Union (GURUKA) and that the school principal, Mohd Zamri Yusoff, has been in contact with him.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>21 October 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Malaysia hantar delegasi khas ke Persidangan Perubahan Iklim di Scotland
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article from Sinar Harian Online. The main headline is "Malaysia hantar delegasi khas ke Persidangan Perubahan Iklim di Scotland". The article features a photograph of a man in a suit and a blue cap, identified as Datuk Azlan. The text discusses Malaysia's participation in the Glasgow Climate Pact summit, highlighting the country's commitment to the Paris Agreement and its role in the global climate change efforts. The article is dated 21 October 2021.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>21 October 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	MDHS kini berstatus Majlis Perbandaran
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article from Sinar Harian Online. The main headline is "MDHS kini berstatus Majlis Perbandaran". The article text is partially visible, starting with "A. A'". Below the text is a small image showing a group of people in a meeting. At the bottom of the article, there is a list of "Berita Pilihan" (Selected News) with several items, each with a Sinar Harian logo and a brief title. The page also features a search bar, navigation tabs, and social media links at the bottom.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>21 October 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Sultan Sharafuddin zahir takziah pemergian balu Bendahara Selangor
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article on the Sinar Harian website. The main headline is "Sultan Sharafuddin zahir takziah pemergian balu Bendahara Selangor". Below the headline is a photograph of Sultan Sharafuddin Azlan Shah in a white ceremonial uniform, surrounded by other officials. The article text is partially visible, starting with "KUALA SELANGOR, Sultan Sharafuddin bin Ibrahim menghafirkan peninjauan...". Below the article, there is a section for "Artikel Berkaitan" with several related article thumbnails. At the bottom, there is a "TERKINI | POPULAR" section with a list of trending news items and a "Newsletter" sign-up form.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>21 October 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia Online
Tajuk Berita	:	Kutipan e-waste sudah melepasi separuh sasaran ditetapkan
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>21 October 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia Online
Tajuk Berita	:	PBT Hulu Selangor dinaik taraf Majlis Perbandaran
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
